

STATUS PERUNDANGAN WASIAT WAJIBAH DI MALAYSIA: PERBANDINGAN ENAKMEN WASIAT ORANG ISLAM DI MALAYSIA

THE LEGAL STATUS OF OBLIGATORY WILL IN MALAYSIA: A COMPARATIVE ANALYSIS OF MUSLIM WILLS ENACTMENTS IN MALAYSIA

Alizah Ali¹
Azhani Arshad²
Rahmawati Mohd Yusoff³
Siti Nuruljannah Mohd Rumainor⁴

¹ Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: aliza941@uitm.edu.my).

² Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia. (E-mail: azhani_arshad@uitm.edu.my).

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: rahmawatimy@uitm.edu.my).

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, 85000 Segamat, Johor, Malaysia. (E-mail: snuruljannahrumainor@gmail.com).

Article history

Received date : 29-10-2024
Revised date : 20-10-2024
Accepted date : 4-12-2024
Published date : 12-12-2024

To cite this document:

Ali, A., Arshad, A., Mohd Yusoff, R., & Mohd Rumainor, S. N. (2024). Status perundangan wasiat wajibah di Malaysia: Perbandingan enakmen wasiat orang Islam di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 35-46.

Abstrak: Wasiat wajibah merupakan salah satu bentuk alternatif dalam pengurusan harta pusaka zaman ini, hasil daripada ijtihad ulamak kontemporari. Ianya mula diperkenalkan di Mesir pada tahun 1946 melalui Qanun Al-Wasiyyah. Di Malaysia, wasiat wajibah mula dikuatkuasakan di Negeri Selangor melalui Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2016, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009, Enakmen Wasiat Orang Islam Pahang 2017, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018, dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang status perundangan dan perbandingan wasiat wajibah dalam kesemua negeri yang terlibat. Kajian kualitatif ini menggunakan analisa subskriptif dan kajian perbandingan. Kaedah kepustakaan juga dilakukan dengan merujuk kepada bahan-bahan termasuk akta dan statut, kes, buku teks, artikel jurnal, surat khabar dan prosiding konferensi. Kajian ini mendapati terdapat perkembangan positif tentang status perundangan wasiat wajibah di tujuh negeri, khususnya di negeri Selangor. Namun begitu, dicadangkan agar kajian selanjutnya dibuat untuk melihat sejauhmana orang Islam di Malaysia sedar tentang kewujudan wasiat wajibah dan menggunakan sebagai alternatif dalam pengurusan harta pusaka mereka.

Kata Kunci: Status Perundangan, Wasiat Wajibah, Enakmen Wasiat Orang Islam, Malaysia

Abstract: The obligatory will represents a contemporary alternative in estate management, emerging as a result of ijtihad. It was first introduced in Egypt in 1946 through the Qanun Al-Wasiyyah. In Malaysia, the enforcement of obligatory will began in the state of Selangor through the Muslim Wills (Selangor) Enactment 1999*, later amended by the Muslim Wills (Selangor) (Amendment) Enactment 2016. This was followed by enactments in other states, including the Muslim Wills (Negeri Sembilan) Enactment 2004, Muslim Wills (State of Malacca) Enactment 2005; Kelantan Muslim Wills Enactment 2009; Muslim Wills Enactment 2017 (Pahang); Muslim Wills (State of Sabah) Enactment 2018; and Muslim Wills (Perak) Enactment 2023. This study aims to examine the legal status and comparative aspects of obligatory will across the states where it has been implemented. Utilizing a qualitative approach, the research employs descriptive analysis and comparative study methods. A library-based approach is also applied, referring to materials such as statutes, cases, textbooks, journal articles, newspapers, and conference proceedings. The findings reveal positive developments in the legal status of obligatory will in seven states, particularly in Selangor. However, the study suggests further research to explore the level of awareness among Malaysian Muslims regarding the existence of obligatory will and its utilization as an alternative in managing their estates.

Keywords: Legal Status, Obligatory Will, Muslim Wills Enactment, Malaysia

Pengenalan

Islam telah menyediakan beberapa alternatif dalam urusan pengurusan harta pusaka. Selain daripada perwarisan harta yang ditetapkan melalui kaedah faraid, seseorang juga boleh memilih untuk membuat hibah atau wasiat untuk diberikan kepada orang yang tertentu dengan syarat yang tertentu. Kedua-dua kaedah ini adalah merupakan pilihan dan atas kemahanan si mati. Berbeza keadaannya dengan wasiat wajibah yang mana ianya melibatkan campur tangan pihak berkuasa dalam pelaksanaanya. Pemberian wasiat wajibah ini juga bersifat wajib walaupun ianya tidak dibuat oleh si mati semasa hayatnya.

Di dalam kajian ini, perbincangan khusus akan dibuat dengan meneliti statut yang terdapat didalam tujuh enakmen yang terlibat iaitu;

1. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2016;
2. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004;
3. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005;
4. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009;
5. Enakmen Wasiat Orang Islam Pahang 2017;
6. Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018;
7. Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023.

Justeru itu, kajian ini akan membincangkan mengenai status perundangan wasiat wajibah di Malaysia melalui tujuh enakmen yang disebut di atas. Seterusnya membuat perbandingan di antara ketujuh-tujuh negeri ini.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Analisis kandungan memerlukan kajian semula literatur yang relevan untuk semua bahan primer dan sekunder berkaitan wasiat wajibah di Malaysia. Sementara itu, analisis doktrin melibatkan pemeriksaan bahan seperti peruntukan berkanun meliputi enakmen wasiat orang Islam di tujuh negeri iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2016; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009; Enakmen Wasiat Orang Islam Pahang 2017; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018; Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023, serta kesusasteraan undang-undang dan bukan undang-undang lain. Seterusnya, kajian ini akan membuat kajian perbandingan terhadap ketujuh-tujuh enakmen yang terlibat.

Sorotan Literatur

Wasiat wajibah adalah konsep wasiat yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang mana pelaksanaannya merupakan satu kewajipan dibawah kuasa hakim (Rahman & Talib, 2020). Manual Pengurusan Wasiat Islam (2010) telah mendefinisikan wasiat wajibah sebagai:

“Wasiat wajibah bermaksud wasiat yang diperuntukkan di bawah undang-undang atau melalui kuat kuasa undang-undang. Wasiat wajibah berlaku kepada cucu yang terhalang daripada mendapat harta pusaka datuk atau neneknya kerana bapanya meninggal dunia lebih awal atau serentak dengan datuk atau neneknya.”

Al-Zuhayliy (1998) berpendapat bahawa wasiat wajibah bukan seperti wasiat biasa. Jusoh et. al (2019) dalam bukunya yang bertajuk “Undang-Undang Wasiat Wajibah di Malaysia dan di Beberapa Negara Islam” menyatakan bahawa wasiat wajibah ialah sebahagian daripada harta peninggalan yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk anak-anak yatim yang kematian ibu bapa sebelum datuk atau nenek mereka. Mengikut hukum Islam, cucu yatim ini tidak berhak mendapat pusaka datuk atau nenek mereka disebabkan terdinding (mahjub) oleh pihak waris yang lain (Muda et. al, 2008; Muhamad, 2012). Justeru, harta peninggalan diberi kepada mereka dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai satu bentuk wasiat dan bukannya sebagai harta pusaka.

Wasiat wajibah merupakan hasil ijтиhad ulama kontemporari dan ianya masih belum ada keseragaman dalam pengamalannya di seluruh dunia (Abdullah, 2024). Antara pendapat yang menyokong konsep ini ialah Ibn Hazm (t.t) yang mana lebih melihat kepada kebijakan dan maslahah cucu yatim yang kematian ibu bapanya terlebih dahulu sebelum kematian datuk dan nenek. Asas wasiyah wajibah adalah sama dengan asas hukum wasiat yang terdapat dalam al-Quran:

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa..” (Al-Baqarah: 180).

Namun, dalam menafsirkan ayat al-Quran berkenaan wasiat tersebut, para ulama berbeza pendapat mengenai legitimasi wasiat wajibah. Sebahagian ulama bersetuju dan menyatakan bahawa wajib melaksanakan wasiat wajibah, manakala yang lain tidak bersetuju dan tidak menganggap wasiat wajibah sebagai amalan Nabi, malah ada yang tidak menganggapnya dibenarkan.

Antara ulama yang bersetuju dengan wasiat wajibah ialah Ibn Jubair, Rabi', Qatadah, Muqatil, Ibn Abbas, al-Hassan, al-Razi, Sayyid Qutb, dan Abduh (Usman & Somawinata, 1997). Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Hazm (1983). Sebab yang diberikan oleh para ulama ini ialah kewajiban yang ditetapkan oleh al-Quran merujuk kepada ibu bapa dan kerabat yang dihalang daripada menjadi waris (Al-Jasas, 1994) seperti yang ditegaskan oleh Ibn Hazm. Menurutnya, perintah untuk membuat wasiat adalah tetap dan hukumnya masih wajib. Perintah ini hanya dibatalkan bagi ahli keluarga yang menjadi waris.

Apabila seorang Muslim meninggal dunia tanpa membuat wasiat terlebih dahulu, menyebabkan keluarganya tidak dapat mewarisi, ahli waris perlu mengambil sebahagian daripada harta si mati untuk memenuhi wasiat tersebut. Sekiranya kewajiban ini tidak dipenuhi, pemimpin (ulul amri) bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini melalui proses perundangan bagi memastikan wasiat itu dilaksanakan (Al-Ainain, 1982).

Jusoh et al. (2021) dan Daud & Azahari (2019) menyatakan negara Mesir merupakan negara pertama yang mengangkat wasiat wajibah sebagai satu perundangan bertulis di Mesir apabila mengkodifikasikan wasiat wajibah didalam Fasal yang ke 6, Undang-Undang Perwarisan dan Wasiat Mesir 1946. Selepas itu, negara-negara Islam yang lain telah mula mengikuti jejak langkah yang dibuat oleh negara Mesir, ini termasuklah Syria melalui Perkara 257 Undang-Undang Wasiat Syria 1953, Pakistan melalui Fasal 4, Undang-Undang Keluarga Islam Pakistan 1961, Kuwait pada 1971, Yamen pada 1957, Marocco pada 1958, Palestin pada 1962, Jordan pada 1976, dan Tunisia pada 1957.

Di Malaysia, wasiat wajibah mula dimasukkan dalam undang-undang di negeri Selangor, melalui Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 pada 15 September 1999. Perundangan secara bertulis ini kemudiannya berkembang kepada enam negeri yang lain, iaitu di Negeri Sembilan pada 2004, Melaka pada 2005, Kelantan pada 2009, Pahang pada 2017, Sabah pada 2018, dan terbaru ialah negeri Perak pada 2023. Negeri Selangor telah melangkah setapak kehadapan apabila membuat pindaan Enakmen pada tahun 2016 melalui Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (Pindaan) 2016.

Muda et al. (2008) dan Abdullah (2024) bersetuju bahawa satu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 83 yang bersidang pada 22 – 24 Oktober 2008 telah membincangkan mengenai Hukum Pelaksanaan Wasiat Wajibah dan Muzakarah telah memutuskan bahawa berwasiat kepada ahli-ahli waris (seperti cucu) yang tidak mendapat pusaka disebabkan halangan -halangan tertentu adalah merupakan suatu kewajipan yang perlu dilaksanakan. Dalam perkataan lain, Majlis Fatwa bersetuju bahawa didalam situasi seorang anak yang bapa atau ibunya mati terlebih dahulu daripada datuk dan neneknya, anak tersebut (cucunya) berhak untuk menerima wasiat wajibah dengan mengambil bahagian faraid bapa atau ibunya pada kadar tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka datuk atau neneknya. Namun, harus ditekankan di sini, bahawa keputusan Muzakarah atau fatwa merupakan satu keputusan yang tidak boleh mengikat negeri-negeri dalam melaksanakan peraturan berkenaan undang-undang Islam di negeri masing-masing, namun fatwa-fatwa ini boleh dijadikan rujukan bagi sesbuah negeri tersebut dalam merangka peraturan berhubung undang-undang Islam di negeri mereka.

Konsep Dan Pengertian Wasiat Wajibah

Wasiat boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu wasiat ikhtiyariyyah dan wasiat wajibah. Wasiat wajibah merujuk kepada situasi di mana sebahagian daripada harta peninggalan yang diperuntukkan oleh undang-undang untuk anak-anak yatim yang kematian ibu dan ayah mereka sebelum kematian datuk dan nenek mereka, atau kematian datuk nenek dan ibu ayah mereka berlaku secara serentak, dan anak-anak yatim tersebut tidak mendapat bahagian daripada harta peninggalan datuk nenek mereka kerana terhalang (mahjub) oleh waris yang lain (Muda et. al, 2008; Muhamad, 2012).

Wasiat wajibah merangkumi beberapa peruntukan yang diambil daripada konsep umum wasiat dan pewarisan. Wasiat wajibah menyerupai wasiat ikhtiyariyyah kerana kedua-duanya membawa nama yang sama. Jumlah maksimum yang boleh diwasiatkan bagi kedua-dua jenis adalah sama, iaitu satu pertiga daripada harta si mati. Dalam pelaksanaan wasiat, sama ada wajibah atau ikhtiyariyyah, mesti didahulukan sebelum pengagihan harta pusaka (Daud, 1996).

Namun demikian, terdapat perbezaan utama antara kedua-dua jenis wasiat ini. Penerima manfaat wasiat ikhtiyariyyah tidak terhad, dan ia boleh diberikan kepada ahli keluarga terdekat dan jauh serta masyarakat umum. Sebaliknya, wasiat wajibah hanya terhad kepada keturunan anak si mati. Selain itu, pelaksanaan wasiat wajibah perlu diutamakan berbanding wasiat ikhtiyariyyah (Daud, 1996; Abu Zuhrah, 1988; Az'ar, 2008; Azizi, 2003)

Jika wasiat wajibah hadir bersama dengan wasiat ikhtiyariyyah, sama ada ia berkaitan dengan hak Allah, hak manusia, atau gabungan kedua-duanya, undang-undang menetapkan bahawa wasiat wajibah harus diberi keutamaan. Ini berlaku walaupun wasiat ikhtiyariyyah mengandungi kewajiban agama seperti tebusan untuk puasa yang ditinggalkan. Keutamaan ini diberikan kerana wasiat wajibah lebih kuat kedudukannya kerana ia diperlukan untuk kesejahteraan manusia (Zuhayli, 2001; Azizi, 2003). Wasiat ini menjadi wajib apabila melibatkan kuasa pemerintah/hakim untuk melaksanakan pengurusan wasiat wajibah ini (Rahman et al, 2021). Di sesetengah tempat, wasiat wajibah ini juga dipanggil sebagai ‘Waris Patah Titi’(Abdullah, 2024).

Perbezaan antara dua jenis wasiat ini boleh dilihat melalui jadual di bawah:

Jadual 1: Perbezaan antara Wasiat Ikhtiyariyyah dan Wasiat Wajibah

Wasiat ikhtiyariyyah	Wasiat wajibah
Melibatkan permintaan si mati	Melibatkan kuasa hakim/mahkamah
Punca kuasanya, dibuat ketika si mati hidup dan berkuatkuasa selepas kematian si mati	Punca kuasanya daripada statut dan akan berkuatkuasa selepas kematian si mati
Boleh dibuat secara bertulis, lisan dan bahasa isyarat badan	Boleh dibuat melalui permohonan mahkamah
Wasiat boleh dibuat kepada sesiapa, kecuali kepada waris fardu	Dibuat kepada penerima yang specific – cucu yatim yang kematian ibu ayah sebelum kematian datuk dan nenek

Syarat Pelaksanaan Wasiat Wajibah

Memandangkan pelaksanaan wasiat wajibah masih baru dan belum diterima pakai sepenuhnya di serata dunia, syarat pelaksanaannya juga masih belum disepakati. Walaubagaimanapun, antara syarat-syarat utama yang ditulis artikel oleh Rahman et al. (2017) yang telah ditetapkan oleh Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Sabah dan Perak ialah seperti yang berikut;

1. Cucu-cucu tersebut mestilah selain daripada ahli waris kepada datuk atau neneknya.
2. Cucu-cucu tersebut tidak ada menerima apa-apa pemberian daripada datuk atau neneknya sama ada berbentuk hadiah, wasiat atau lain-lain lagi.
3. Bapa kepada cucu-cucu tersebut mestilah mati dahulu atau mati serentak dengan orang tuanya sama ada secara hakiki atau hukmi. Dalam keadaan ini, bapa mereka tidak dapat mewarisi apa-apa daripada orang tuanya dan anak-anaknya terdinding daripada mewarisi harta datuk atau neneknya.
4. Kadar wasiat wajibah ialah 1/3 atau kurang. Jika lebih, maka lebihan itu adalah wasiat ikhtiarriyyah dan perlu mendapat keizinan daripada ahli waris yang lain.
5. Bapa kepada cucu tersebut mestilah termasuk di dalam ahli waris yang layak menerima harta pusaka. Jika tidak layak disebabkan oleh bapanya seorang pembunuh atau berbeza agama, maka anak-anaknya juga tidak layak menerima wasiat wajibah.

Kadar Bahagian Wasiat Wajibah

Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, Negeri Sembilan (2004), Negeri Melaka (2005), Negeri Kelantan (2009), Negeri Pahang (2017), Negeri Sabah (2018), dan Perak (2023) telah menetapkan kadar tersebut hendaklah setakat apa yang diterima oleh bapa kepada kanak-kanak tersebut (cucu si mati), daripada harta pusaka datuknya dengan mengandaikan bapa aitu masih hidup selepas kematian datuk atau neneknya. Kadar tersebut mestilah tidak melebihi kadar 1/3 (satu pertiga) daripada harta pusaka datuk atau neneknya (si mati).

Secara spesifik, kadar wasiat wajibah ini boleh dirujuk pada Seksyen 27(2) Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 dan begitu juga pada enakmen negeri-negeri yang lain. Seksyen ini memperuntukkan kadar yang perlu diberikan kepada cucu yatim ini ianya sebanyak mana yang diterima oleh bapanya sekiranya bapanya masih hidup setelah kematian datuk dan neneknya. Kadar ini juga tidak boleh melebihi kadar 1/3 (satu pertiga) daripada harta pusaka datuk atau neneknya (si mati).

Sekseyn ini juga menyatakan, sekiranya datuk atau nenek tersebut telah memberikan harta kepada cucu tersebut sama ada secara wasiat ikhtiyariyyah atau apa-apa jua cara kepada cucu tersebut dengan kadar yang kurang daripada kadar yang berhak diterima melalui wasiat wajibah, maka hakim hendaklah melengkapkan kadar yang kurang itu mengikut kadar wasiat wajibah sepetimana yang telah diperuntukkan dalam wasiat wajibah.

Kedudukan Wasiat Wajibah Dalam Syariat Islam

Dalil yang menyokong pelaksanaan wasiat wajibah adalah dengan merujuk kepada ayat Al-Quran dalam persoalan pembahagian harta pusaka dalam bentuk wasiat.

“Kamu diwajibkan apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, hendaklah dia membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik menurut peraturan agama, sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa”(Al-Baqarah: 180).

Dalam ayat ini, Allah memerintahkan agar manusia berwasiat kepada kedua ibubapa dan keluarga mereka yang terdekat. Menurut Ibn Hazm, wasiat ini boleh diberikan kepada ibubapa dan kaum kerabat, termasuk yang tidak dapat mewarisi harta, boleh jadi tidak dapat mewarisi harta ini disebabkan terlindung dengan waris yang sebelumnya atau bukan waris (Jusoh, 2021; Abdullah, 2024).

Dalam keadaan ini waris tersebut boleh diberikan sebahagian daripada harta berdasarkan firman Allah yang lain, iaitu:

“Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka) dan anak yatim serta orang-orang miskin hadir Ketika pembahagian harta pusaka itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya.” (An-Nisa’: 8).

Hadith Nabi Muhammad s.a.w juga ada menyebut:

Telah menceritakan kepada kami Abdul Wahhab bin Najdah, ia berkata: Telah menceritakan kepada kami Ibnu 'Ayyasy, dari Syurahbil bin Muslim, ia berkata: Aku mendengar Abu Ummamah, ia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesungguhnya Allah telah memberikan hak kepada setiap pemiliknya. Oleh karena itu, tidak ada wasiat (harta) bagi ahli waris." (Abu Daud, Hadith 2870)

Sejarah Perkembangan Wasiat Wajibah Di Malaysia

Wasiat wajibah mula-mula dimasukkan dalam peruntukan undang-undang pada tahun 1999 di negeri Selangor dan setakat ini, terdapat enam lagi negeri yang telah memasukkan wasiat wajibah didalam peruntukan undang-undang di negeri masing-masing. Negeri-negeri tersebut ialah:

Jadual 2: Senarai Peruntukan Wasiat Wajibah di Setiap Negeri di Malaysia

Negeri	Enakmen	Tahun dimasukkan	Seksyen
Selangor	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (Pindaan) 2016	1999	Seksyen 27, 27A, 27B
Negeri Sembilan	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004	2004	Seksyen 27 (1)-(3)
Melaka	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005	2005	Seksyen 27(1)-(3)
Kelantan	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Kelantan) 2009	2009	Seksyen 27(1) & (2)
Pahang	Enakmen Wasiat Orang Islam Pahang 2017	2017	Seksyen 30
Sabah	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018	2018	Seksyen 27(1)-(3)
Perak	Enakmen Wasiat Orang Islam (Perak) 2023	2023	Seksyen 31-33

Wasiat wajibah terkandung dalam Bahagian VIII, Seksyen 27 (1), (2) dan (3), kecuali di negeri Selangor, Seksyen 27, 27A, 27B, negeri Kelantan, Seksyen 27(1) dan (2), negeri Pahang, Seksyen 30, dan negeri Perak, Seksyen 31 hingga 33. Undang-undang tersebut menjelaskan secara terperinci tentang golongan yang berhak mendapat wasiat wajibah, kadar wasiat wajibah dan syarat-syaratnya. Muhamad (2012) menyatakan masih terdapat kelompong pada seksyen tersebut, khususnya perbincangan dari aspek prosedur. Dalam situasi ini dicadangkan kepada pihak berkuasa agama yang mempunyai bidangkuasa untuk memperhalusi tatacara pengurusan harta melalui wasiat wajibah ini.

Bagi negeri selain daripada tujuh ini, rujukan ke atas penguatkuasaan wasiat hanya berdasarkan peruntukan am dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Enakmen

atau Ordinan Mahkamah Syariah masing-masing, melalui Seksyen 46(2)(b)(v), Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah (Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah), (Ibrahim, 2017). Pemohon boleh memulakan prosedur dengan membuat tuntutan pengesahan wasiat atau menuntut hak wasiat wajibah melalui saman berserta dengan penyata tuntutan sepetimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 245(2), Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585). Kes ini boleh difaikkan sama ada di Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah mengikut nilai bidang kuasa mahkamah berkenaan. Pembuktian di Mahkamah Syariah sama seperti perbicaraan kes-kes yang lain sama ada melalui keterangan saksi atau apa-apa dokumen yang boleh menentukan kesahihan sesuatu wasiat atau kelayakan seseorang waris (Rahman et al., 2021).

Secara alternatif, walaupun tiada statut khusus mengenai wasiat wajibah di negeri-negeri tertentu, wasiat wajibah masih lagi boleh dikuatkuasakan melalui fatwa yang mengesahkan dan menyokong wasiat wajibah. Contohnya, keputusan fatwa yang telah dikeluarkan oleh negeri Johor pada tahun 2012, negeri Kedah pada 2015, dan negeri Sarawak pada 2015. Namun begitu, negeri Perlis merupakan satu-satunya negeri yang menolak konsep wasiat wajibah sebagaimana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis pada 2014 yang menyebut:

- 1) Tiada wasiat yang dinamakan sebagai Wasiat Wajibah menurut al-Quran dan al-Sunnah. Merujuk kepada kes yang dipersoalkan mengenai hak cucu terhadap harta peninggalan datuknya, maka tiada hak faraid untuk cucu menurut ketetapan syarak, melainkan di atas ihsan ahli waris berdasarkan ayat al-Nisa': ayat 8 yang bermaksud: "Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik."
- 2) Kata al-Qurtubi pandangan yang sahih bagi maksud "berikanlah" itu adalah disunatkan bukannya wajib (A-Qurtubi, 1964).
- 3) Hikmah pembahagian faraid adalah rahsia milik Allah dan tiada siapapun yang boleh mengatasinya dan mempertikaikannya. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa': ayat 11 yang bermaksud: "lbu-bapa dan anak-anak kamu, (sedangkan) kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan. Itu ialah) ketetapan daripada Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana." (Fatwa Perlis, 2014).

Kedudukan Dan Perbandingan Wasiat Wajibah Dalam Perundangan Islam Di Malaysia

Memandangkan wasiat wajibah merupakan hasil ijtihad kontemporari, maka pemakaianya masih belum menyeluruh. Di Malaysia, perkara berkaitan wasiat wajibah masih lagi dianggap baharu (Jusoh et al., 2019). Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual ke-9 telah melatakan perkara berkenaan undang-undang keluarga Islam didalam Senarai Negeri (*State List*)(Senarai II). Justeru negeri-negeri telah diberi kuasa untuk membuat undang-undang termasuk hal berkaitan wasiat dan pusaka orang Islam.

Negeri Selangor telah mempelopori undang-undang berkenaan wasiat wajibah apabila telah memasukkan peruntukan khusus berkaitan wasiat wajibah didalam Seksyen 27 Enakmen Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999 dan diikuti oleh enam negeri yang lain, iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang, Sabah dan Perak. Perkara ini dilihat sebagai satu

perkembangan yang sihat dan positif. Walaubagaimanapun, masih terdapat ketidakseragaman pada pemakaian undang-undang ini. Jadual di bawah membincangkan tentang persamaan dan perbezaan yang boleh dilihat pada ketujuh-tujuh negeri yang memasukkan wasiat wajibah didalam enakmen negeri mereka.

Kriteria persamaan dan perbezaan untuk undang-undang wasiat wajibah meliputi beberapa tema seperti di bawah;

1. Tahun diperkenalkan:

Negeri Selangor telah memperkenalkan wasiat wajibah pada tahun 1999 diikuti oleh Negeri Sembilan pada tahun 2004, negeri Melaka pada tahun 2005, negeri Kelantan pada tahun 2009, negeri Pahang pada tahun 2017, negeri Sabah pada tahun 2018, dan negeri Perak pada tahun 2023.

2. Seksyen:

Kesemua Enakmen negeri telah meletakkan wasiat wajibah pada Bahagian VIII, Seksyen 27(1)-(3), kecuali di negeri Selangor, Seksyen 27, 27A, 27B, negeri Kelantan, Seksyen 27(1) dan (2), negeri Pahang, Seksyen 30, dan negeri Perak, Seksyen 31 hingga 33.

3. Tajuk Seksyen:

Kesemua Enakmen negeri telah meletakkan tajuk seksyen sebagai “Wasiat Wajibah” kecuali enakmen negeri Selangor, “Wasiat kepada cucu”.

4. Kadar:

Kesemua Enakmen negeri telah meletakkan kadar 1/3 daripada harta si mati

5. Pemilik harta:

Ianya boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu, ‘Datuk dan Nenek’ yang terdapat didalam Enakmen Negeri Selangor, Negeri Kelantan dan Negeri Pahang. Kategori kedua ialah ‘Datuk Sahaja’ yang melibatkan Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Sabah.

6. Penerima wasiat:

Ianya boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu, ‘Cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak lelaki dan anak perempuan’ yang meliputi Negeri Selangor, negeri Kelantan dan Negeri Pahang. Satu kategori lagi ialah ‘Cucu lelaki dan cucu perempuan daripada anak lelaki sahaja’ yang meliputi Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Sabah.

7. Syarat pelaksanaan:

Negeri Selangor, negeri Kelantan, negeri Perak, meletakkan syarat pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahului urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat ikhtiyariyyah dan hutang-piutang datuk atau nenek yang mati. Negeri Pahang meletakkan syarat pelaksanaan wasiat wajibah wasiat wajibah akan disempurnakan apabila selesai;

- a. menyempurnakan wasiat datuknya
- b. perbelanjaan pengebumian datuknya
- c. bayar hutang piutang datuknya
- d. melaksanakan nazar dan badal haji

e. menyempurnakan faraid

Manakala negeri Melaka, Negeri Sembilan dan negeri Sabah tidak meletakkan apa-apa syarat.

8. Kelayakan maksimum:

Kesemua Enakmen negeri telah meletakkan kelayakan maksimum tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati.

Ringkasan persamaan dan perbezaan untuk undang-undang wasiat wajibah di tujuh negeri di Malaysia boleh dilihat melalui Jadual 3, di bawah:

Negeri Perkara	Selangor	Negeri Sembilan	Melaka	Kelantan	Pahang	Sabah	Perak
Tahun diperkenalkan	1999 pindaan 2016	2004	2005	2009	2017	2018	2023
Seksyen	Bahagian VIII, Seksyen 27, 27A, 27B	Bahagian VIII, Seksyen 27(1)-(3)	Bahagian VIII, Seksyen 27(1)-(3)	Bahagian VIII, Seksyen 27(1) & (2)	Bahagian VIII, Seksyen 30	Bahagian VIII, Seksyen 27(1)-(3)	Bahagian VIII, Seksyen 31-33
Tajuk seksyen	Wasiat kepada cucu	Wasiat wajibah	Wasiat wajibah	Wasiat wajibah	Wasiat wajibah	Wasiat wajibah	Wasiat wajibah
Kadar	1/3	1/3	1/3	1/3	1/3	1/3	1/3
Pemilik Harta	Datuk dan nenek	Datuk sahaja	Datuk sahaja	Datuk dan nenek	Datuk dan nenek	Datuk sahaja	Datuk dan Nenek
Penerima Wasiat	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P	Cucu L dan cucu P daripada anak L sahaja	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P	Cucu L dan cucu P daripada anak L dan anak P
Syarat pelaksanaan	Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat ikhtiyariyah dan hutang-	-tidak dinyatakan-	-tidak dinyatakan-	Pembahagian wasiat wajibah boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat ikhtiyariyah ah dan hutang-	Apabila selesai; a)menyempurnakan wasiat datuknya b)perbelanjaan pengebumian datuknya c)bayar hutang piutang datuknya d)melaksanakan nazar dan badal haji e) menyempurnakan faraid	-tidak dinyatakan-	Pembahagian wasiat wajibah dalam boleh dilaksanakan setelah didahulukan urusan berkaitan dengan pengurusan jenazah, wasiat ikhtiyariyah ah dan hutang-

	piutang datuk atau nenek yang mati.			piutang datuk atau nenek yang mati.			piutang datuk atau nenek yang mati.
Kelayakan maksimum	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati	Tidak melebihi 1/3 daripada harta pusaka si mati

Kesimpulan dan Cadangan

Secara umumnya wasiat wajibah mengalami perkembangan yang sangat positif dan sihat. Dari masa ke semasa semakin banyak negeri yang mula menerima konsep wasiat wajibah untuk dimasukkan ke dalam Enakmen wasiat Orang Islam di negeri masing-masing. Namun begitu dengan adanya fatwa, memberi berita gembira kepada negeri-negeri yang tidak mempunyai statut khusus berkenaan wasiat wajibah di mana wasiat wajibah masih boleh diimplementkan melalui penguatkuasaan fatwa. Pindaan Enakmen Negeri Selangor yang telah dibuat pada tahun 2016 juga membuktikan Masyarakat Islam semakin peka kepada keperluan wasiat wajibah sebagai salah satu method yang berkesan dalam pengurusan harta pusaka Islam. Melalui ijтиhad yang dibuat oleh para fuqahak disamping melihat kepada maslahah dan keperluan yang sedia ada menunjukkan wasiat wajibah menjadi perkara yang signifikan pada hari ini. Undang-undang ini perlu lebih diketengahkan supaya lebih ramai Masyarakat Islam yang peka tentang undang-undang ini dan sekaligus dapat menikmati faedahnya. Untuk kajian pada masa akan datang, adalah dicadangkan supaya pengkaji akan datang dapat melihat sejauhmana masyarakat Islam sedar tentang kewujudan wasiat wajibah beserta faedahnya. Cadangan yang lebih utama adalah lebih bagus sekiranya undang-undang wasiat wajibah ini dapat diseragamkan kepada semua negeri yang ada di Malaysia seterusnya diadakan prosedur lengkap tentang tatacara pelaksanaan wasiat wajibah ini supaya wasiat wajibah ini lebih dekat dihati orang Islam.

Penghargaan

Penyelidikan ini ditaja oleh Universiti Teknologi MARA dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) di bawah Skim Geran Strategic Research Partnership (SRP) bersama Universitas Indonesia yang bertajuk Modelling The Legal Framework Or Introduction Of Wasiyyah Wajibah In Malaysia: A Cross Reference To Legal Practise In Indonesia (100-RMC 5/3/SRP (063/2022)).

Rujukan

- Abdullah, A. T. (2024). *Waris Patah Titi*. Malaysia: Pustaka Mizi.
- Abu Zuhrah, M. (1988). *Sharh Qanun al-Wasiyyah*. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Ainain, B.A. (1982). *Ahkam Al-Wasaya wa Al-Awqaf*. Iskandariyah: Muassasah Shabab al-Jami'ah.
- Al-Jassas. (1994). *Ahkam Al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiya.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (1964). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1989), *Al-Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al Fikr.
- Azizi, M. R. A. F.. (2003). *Al-Mirath wal Wasiyyah*. Dar al-Furqan.
- Az'ar, R.A. (2008). *Al-Wasiyyah al-Wajibah, Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tesis Sarjana. Fakulti Shariah dan Undang-undang, Islamic University Gaza.

- Daud, Ahmad Muhammad. (1996). *Al-Huquq al-Muta'alliqah bi al-Tarikah byana al-Fiqh wal Qanun*. Oman: Dar al-Thaqafah.
- Daud, Z. F. M. & Azahari, R. (2019). The wajibah will, Alternative wealth transition for individuals who are prevented from attaining their inheritance. *International Journal of Ethics and Systems*, 38(1), 1-19.
- Ibn Hazm. (1983). *Al-Muhalla*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2010). *Manual Pengurusan Wasiyyah Islam*. Malaysia: Jabatan Perdana Menteri.
- Jusoh, M. S., Sulong, Z., Othman, A., & Ariffin, M. R. (2019). Wasiyyah Wajibah Law in Malaysia—Concept, Application and Practices. *Islamic Development Management: Recent Advancements and Issues*, 263-276.
- Jusoh, M. S. (2021). *Undang-Undang Wasiyat Wajibah di Malaysia dan di Beberapa Negara Islam*. Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin Kuala Nerus.
- Muda, M. Z., Awang, M. R., Mohamad, A. B. dan Ahmad, M. Y. (2008), *Pengantar Undang-undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiyat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Selangor: Syarikat Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.
- Muhamad, N. H. N. (2012). *Wasiyat & Wisayah dalam Perancangan Harta Prinsip dan Amalan*. Selangor: Reka Cetak Sdn. Bhd.
- Rahman, M. H. & Talib, M. M. A. (2020). The legality of wasiyyah wajibah in achieving maqasid al-shariah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6(2), 51-70.
- Rahman, N. S. A., Rahman, N. S. A., Salam, N. Z. A., Ghani, N. A. dan Talib, H. (2021). Pemakaian Konsep Wasiyat Wajibah di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-6 (PASAK6 2021), 9 &10 November 2021.
- Usman, S. and Somawinata, Y. (1997). *Fiqh Mawaris: Hukum Kewarisan Islam*, Jakarta: Gaya Media.
- Zuhayli, Muhammad. (2001). *Al-Fara'id wal Mawarith wal Wasaya*. Dar al-Kalim al-Tayyib;